

# CETUSAN RASA INSAN SENI UPM

10 bergabung anjur Pameran Lukisan Inspirasi

## Oleh Noor Azam Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

**B**AGI insan seni, karya yang dihasilkan adalah cetusan rasa mereka terhadap persekitaran yang melakarkan mesej untuk disampaikan kepada peminat seni dan orang ramai.

Luahan rasa itu diterjemahkan 10 warga Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengadakan Pameran Lukisan Inspirasi di Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Pengarah Pameran, Mohd Isnain Ali, berkata pameran berkenaan menggabungkan hasil seni warga UPM yang ber-naung di Artfaces, iaitu kumpulan karyawan seni universiti itu yang merangkumi mahasiswa, pereka grafik, penggiat seni dan pensyarah.

Menurutnya, usaha dilaksanakan itu adalah sebahagian daripada aktiviti tahunan pusat kebudayaan bagi memartabatkan aktiviti seni di kalangan warga UPM.

"Kami mempunyai ramai pelukis berbakat, malah usaha ini mampu menonjolkan cetusan hati mereka menerusi lukisan serta beberapa medium yang dipaparkan," katanya.

Karyawan mengengahkan idea dan pemikiran yang diulit dalam pelbagai tema dan konsep mereka kepada masyarakat untuk dikongsi bersama.

Isnain berkata, karya seni dipamerkan itu dihasilkan dalam bentuk lukisan, catan dan arca.

"Ia menjadi titik permulaan bagi karyawan seni UPM untuk menghasilkan karya lebih matang dan dinamik dalam usaha meningkatkan pemahaman seni dalam diri pengkarya serta masyarakat," katanya.

Selain itu, pameran berkenaan dikongsi warga universiti lain yang dijemput untuk menghayati karya seni berkenaan.

Pengerusi Program, Nor Azizi Mohd Ali, berkata usaha berkenaan memperlihatkan kematangan warga kampus dalam menghasilkan karya mereka.

"Lukisan yang dipamerkan dipilih sebuah jawatankuasa khas. Kami bukan menidakkan hasil lukisan lain, tapi pada pameran kali ini kami ingin menyampaikan mesej Inspirasi supaya dapat diterjemahkan dengan baik kepada pengunjung," katanya.

Lima peratus hasil jualan daripada lukisan berkenaan disalurkan kepada tabung persatuan bagi melakukan pelbagai aktiviti untuk ahlinya.

Beliau yang juga pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, turut menyertai pameran berkenaan dengan mem-

pamerkan sembilan koleksi seninya.

Beberapa pelukis yang terbabit dalam pameran berkenaan menganggap usaha itu sebagai langkah murni menonjolkan karya warga kampus berkenaan.

Kakitangan UPM, Anuar Piran, konsep lukisan yang dihasilkan beliau lebih menjurus kepada tema alam dan pemerhatiannya selama 15 tahun di universiti berkenaan.

Menurutnya, pembabitannya dalam bidang seni berkenaan memberi kelebihan kepada dirinya untuk melepaskan tekanan selepas bekerja selain kepuasan mengisi masa lapang.

Beliau sudah menghasilkan lebih 50 karya seni dan pernah mengikuti beberapa pameran sebelum ini.

"Usaha seperti ini perlu diteruskan pada masa depan untuk menonjolkan hasil seni warga kampus, walaupun sibuk dengan tugas kami masih mempunyai masa untuk berkarya," katanya.

Bagi Bhanu Achan yang juga kakitangan UPM, konsep hasil seni dipersembahkannya lebih kepada lukisan abstrak yang mempunyai mesej tersendiri untuk disampaikan kepada peminat.

Beliau yang pernah menyertai beberapa pameran sebelum ini pernah terbabit dalam penulisan dan melukis buku kanak-kanak diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Saya sudah menghasilkan karya seni sejak 30 tahun lalu. Lukisan saya adalah ekspresi jiwa terhadap persekitaran sebelum ia diterjemahkan menerusi abstrak," katanya.





**ALAM...lukisan bertema alam menarik perhatian pengunjung.**

Beliau gembira berikutan lukisannya mendapat perhatian pengunjung dan ada berminat untuk membelinya.

Usaha itu adalah satu penghargaan ke-

pada warga kampus untuk bersama menghasilkan karya seni bagi manfaat semua terutama dalam mengungkap cetusan rasa dan inspirasi mereka.



**HIDUP...lukisan kehidupan di dasar laut dihasilkan menggunakan seni batik.**





**MEKAR...bunga ros menjadi inspirasi pelukis UPM.**



**AZIZI...aktiviti tahunan**



**ISNAIN...kumpul pelukis  
berbakat UPM**





**BERBAKAT...lima pelukis menunjukkan lukisan yang mereka hasilkan. — Gambar L MANIMARAN**

**SENI...  
tulisan  
abstrak  
jawi turut  
dipamerkan.**

